

SUKAN SEA

Silat tersingkir dari tandingan di Manila

- 2 OCT 1990

BEIJING — Silat kompetitif digugurkan daripada acara Sukan SEA di Manila tahun depan, sementara taekwondo dan dua sukan baru, iaitu wushu dan squash telah disenaraikan.

Pemilihan itu diputuskan oleh Persekutuan di SEA yang bermesyuarat di sini baru-baru ini.

Malaysia diwakili oleh bendahari Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Lum Mun Chak, dan ahli eksko, Sieh Kok Chi.

Kemasukan tiga acara baru itu menjadikan jumlah sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan dua tahun sekali itu kepada 26 acara.

Sukan SEA tahun depan dijadual berlangsung dari 24 November hingga 5 Disember.

Silat kompetitif pada mulanya digabungkan dengan Arnis — seni mempertahankan diri Filipina — tetapi pegawai penganjur berkata mereka tidak mempunyai persatuan yang mengelolakan seni itu atau kepakelaran teknikal untuk mengajurnya dengan lebih berkesan.

Silat juga sejenis seni mempertahankan diri yang terkenal di Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Kemasukan taekwondo juga mungkin melegakan Malaysia yang memenangi kesemua 10 pingat emas yang dipertandingkan dalam Sukan SEA di Kuala Lumpur, tahun lalu.

Squash dipertandingkan bagi pertama selepas usaha berterusan pihak Singapura dan Malaysia.

Chef-de-Mission Malaysia ke Sukan Asia Beijing, Datuk Alex Lee, yang juga presiden Persatuan Squash Raket Malaysia (SRAM), turut menyambut baik kemasukan squash dan berkata bahawa pasukan lelaki dan wanita Malaysia lelupa dan wanitanya berprestasi kurang memungut pingat perak.

Wushu yang kali pertama dipertandingkan dalam Sukan Asia tahun ini, adalah sejenis seni mempertahankan diri China.

Malaysia turut menghantar beberapa wakil bagi menyertai acara itu ke Sukan Asia. — BHM.